

**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000010275

10766967

**KESESUAIAN PEMBINAAN RUMAH JENIS TERES DIKAWASAN
BERCERUN**

MUHAMMAD AZIZULHADI BIN ANUAR

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2009

ABSTRAK

Pembangunan di kawasan cerun mempunyai implikasi keselamatan, alam sekitar dan sosial yang tinggi. Oleh itu, proses kawalan pembangunannya mestilah dijalankan dengan rapi dan menepati prinsip perancangan. Ia disebabkan mutakhir ini, begitu banyak kejadian seperti tanah runtuh dan bangunan roboh, sehingga menyebabkan berlakunya malapetaka yang mengorbankan ramai nyawa manusia dan kemusnahan harta benda. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu mengenalpasti pendapat penghuni rumah mengenai keselesaan dan keselamatan mendiami rumah teres di kawasan bercerun dan kesesuaian pembinaan, perbezaan rekabentuk yang terlibat serta implikasi kosnya. Kajian ini dilakukan di sekitar taman perumahan di Johor Bahru, Johor. Borang soal selidik diedarkan kepada 40 responden iaitu penghuni rumah teres dikawasan bercerun bagi mencapai objektif yang pertama. Bagi mencapai objektif kedua, 5 syarikat pemaju perumahan di sekitar Johor Bahru ditemubual. Setelah data-data diperolehi, data tersebut dianalisis dan seterusnya daripada penemuan analisis yang telah dijalankan maka beberapa rumusan serta cadangan telah diutarakan. Hasil daripada analisis, penulis dapat merumuskan tahap keselesaan penghuni adalah tahap sederhana. Walaubagimanapun keadaan jalan yang cerun menyukarkan penghuni semasa memandu kenderaan. Kemalangan juga kerap berlaku terutama pada kawasan cerun yang lebih 25 darjah. Perbezaan elemen juga berlaku menyebabkan kos projek pembinaan bertambah. Terdapat beberapa perbezaan elemen yang dikenalpasti berdasarkan temubual yang telah dibuat. Antaranya ialah berlaku penambahan cerucuk, saiz tapak asas lebih besar, pemotongan dan penimbusan tanah perlu dilakukan, pembinaan '*retaining wall*' perlu dibina dan penambahan bahan bagi pemasangan kemudahan bangunan seperti sistem kumbahan dan elektrik. Oleh yang demikian kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu syarikat perumahan yang ingin melakukan pembangunan di kawasan bercerun serta orang serta orang awam dapat mengenal pasti adakah selamat jika mendiami perumahan dikawasan bercerun.

ABSTRACT

Development on the slope has high implication of security, environment and social. Thus, the process of development control has to operate in proper way and follow the planning principle. Recently, many incidents like landslide and building collapse happen and cause many lives killed and also destroy the property. This research have 2 objectives which are to identify the opinion the resident in house on slope site about suitability, comfortable, and security live in this area and this research is also to identify the different element and implication cost between construction on the flat land and slope area. The research was held around Johore Bahru. The questionnaire was distributed to 40 respondents who live in terrace house on slope area to achieve first objective. In order to fulfill the second objective, an interview has been carried out with 5 different housing developers. After all the data has been obtained, analysis is done and conclusion has been made. From the analysis, the comfortability live in this area is at average level. However, the landslide always occurred especially on slope more than 25 degree. There are also different in element of construction which is cause the high cost. The different are more pilling have to construct, big foundation needed, cut and fill, retaining wall and building services like sewerage and electrical system. Thus, this research may help housing developer who wants to develop housing area on slope area and the public can identify it is save live in house on the slope area.